

Entering The World Pairs Angling Championship

Ireland's
**LAKELANDS &
inland WATERWAYS**
World Pairs Angling
Championships 2014

1. Hari pertama di pejabat!
2. Ikan hibrid pertama saya yang agak kasar, menanti untuk ditimbang petugas.
3. Lihatlah betapa serius pertandingan memancing di sini.
4. Setiap tangguk, jaring simpanan ikan dan *wader* mesti direndam dalam cecair pembasmi kuman supaya perairan di sini tidak tercemar dengan spesies dan patogen asing.
5. Pejabat kedua di Kiltybarden. Saya cukup 'confident' di tasik ini.
6. Umpan ulat putih dan ulat merah hidup!



TRAVELOG ANAK MALAYSIA PERTAMA MENYERTAI WORLD PAIRS ANGLING CHAMPIONSHIP 2014 (Bhg.2) HARI PERTAMA DI 'PEJABAT'!

Dalam Bhg. 1, pengembaraan saya bermula dengan perjalanan merentasi udara, laut dan daratan ke bumi Ireland yang indah demi menyertai kejohanan 'coarse fishing' berregu kelas antarabangsa ini. Setelah beramah mesra dengan pemancing tempatan diikuti beberapa sesi latihan, sekarang tibalah masa untuk menghadapi cabaran sebenar!

Setelah mencabut rotasi no. 5 pada malam perasmian dan jalani tiga sesi latihan, saya dah tak sabar nak beraksi keesokan hari walau masih tidak pasti apa yang bakal dihadapi. Saya lewat sikit tinggalkan majlis kerana membantu Steve, Helen dan Marie untuk berkemas. Nasib baik semua alat pancing saya dah disusun rapi, mata kail siap diikat dan pakaian tebal dan kalis air dah diketepikan. Cuma kena buat bekal teh panas sahaja untuk esok!

Pagi itu, setelah menghirup secawan teh dan memuatkan alatan ke dalam van, Kevin segera mencampur umpan *groundbait* kami; dua beg *Bait-Tech Dark Pro Natural Dark* dicampur serbuk

roti dan molases (gula cair). Adunan umpan yang gelap dan manis merupakan ramuan umum di Ireland, dan saya letakkan kepercayaan sepenuhnya kepada Kevin yang berpengalaman untuk menyediakannya.

Sempat saya intip *groundbait* daripada beberapa regu lain yang tinggal berhampiran kami yang menggunakan jenama berbeza, tetapi semuanya menggunakan warna-warna gelap. Dengan air tasik yang jernih, memang logik umpan sebegini digunakan untuk meyakinkan sang ikan menjamahnya.

Hari Pertama Di Leitrim

Kempen kami bermula di daerah Leitrim. Kami menaiki van untuk perjalanan 10 minit sahaja dan tiba lebih awal di Ballinamore untuk mendapatkan seksyen dan tapak memancing.

Ada peraturan wajib di mana pemancing harus celupkan tangguk, jaring simpanan ikan dan *waders* di stesen pembasmian kuman sebelum memancing setiap pagi. Tujuannya mencegah penyebaran spesies invasif berbahaya dan patogen. Setiap peserta akan menerima gelang penanda membuktikan mereka telah jalani pembasmian kuman dan mesti ditunjukkan kepada petugas sebelum dibenarkan cabut nombor.

Saya masukkan tangan ke dalam beg dan menarik seksyen A pada Tapak 11, bermakna saya akan memancing di Church Shore di Tasik Garadice. Manakala regu saya, Kevin Locke akan memancing di Tapak 12 Seksyen B di Connolly's Shore. Rakan Kevin, Dave Brettle di Tapak 12 berada di sebelah kiri saya, dan Mike Kirby, pertama kali ke Ireland juga, di Tapak 10 di sebelah kanan saya.





3

Saya tidak pasti bagaimana nak memancing di seksyen ini kerana pertama kali ke sini. Mujurlah Kevin ada berbisik kepada Dave supaya memberi sedikit *tips* kepada saya. Sebagai persediaan, saya memasang satu joran *feeder* untuk umpanan jarak jauh, satu lagi jarak sederhana.

Saya juga pasang joran *pole* untuk memancing dalam jarak dekat kira-kira 11 meter di depan, walaupun saya dapati tidak semua peserta memakai *pole*. Agak tergesa-gesa juga saya sediakan peralatan kerana masih membiasakan diri dengan sistem peralatan milik Steve ini (saya terpaksa pinjam set pancing Steve).

Wisel ditiupkan dan bermulalah cabaran kami! Semua peserta mulai beraksi dengan joran *feeder*. Ikan *perch* mula-mula sekali menjamah umpan saya diikuti ikan hibrid dan *roach*. Harap-harap tak ada ikan *pike* datang mencukai tangkapan kami lagi! Saya terus berharap kepada joran *feeder* sepanjang pertandingan berlangsung. Sesekali saya cuba juga joran *pole*, namun nampaknya semua ikan berlegar lebih jauh. Tambah tertekan apabila setiap kali saya berpaling ke arah Dave dan Mike, mereka sedang karau ikan, sedang umpan saya sepi agak lama tanpa getuan!

Sebaik berakhirnya hari pertama pertandingan ini, jelas masih banyak perkara perlu saya pelajari. Selepas lima jam, hasil tangkapan saya hanya 2.340 kg, berbanding 15.740 kg yang memenangi seksyen ini. Saya agak kecewa, tetapi ini satu pengalaman pembelajaran yang baik, dan sekurang-kurangnya bukanlah tangkapan paling rendah di seksyen saya.

Kevin yang mendapat tangkapan lebih baik iaitu 8.500 kg di seksyennya, kemudian menyampaikan beberapa taktik kepada saya dalam perjalanan pulang. Kevin menegaskan, memancing di Ireland sangat berbeza dengan apa yang saya pernah lalui di England. Jadi saya harus ingat beberapa perkara untuk hari berikutnya! Beliau juga mengingatkan saya supaya tidak BBQ hasil tangkapan sebelum petugas berpeluang menimbang tangkapan saya (dia berseloroh aje tu!).

Nota Guvnor : *Saya memancing pada ukuran 50 pusingan gelendong (Daiwa Exceller X 4000) untuk jarak jauh, dan 40 pusingan bagi jarak pendek. Tetapi jarak jauh menghasilkan lebih banyak ikan, jadi saya lebih tertumpu pada pancingan jarak jauh. Pole langsung tak disentuh ikan!*

Saya gunakan feeder jenama Kevin Leach 40 gm diisi umpan groundbait dan cacing cincang. Mata kail saiz 16 dicangkuk kepala cacing dan seekor ulat merah. Saya mulakan dengan perambut 2.5 paun sepanjang 90 cm, kemudian ditukar 60 cm.

Kevin menyuruh saya tukar taktik agar lebih positif dengan umpan bersama mata kail yang lebih besar dan tukar kepada perambut yang lebih kasar ekoran ikan di sini tidak pemalu kerana belum dipancing sebelum ini. Kami mendapat tahu kemudian, Rob Wootton mendaratkan 28.700 kg ikan di Bunerky dan kini mendahului dengan regunya, Adam Wakelin dengan berat gabungan 46.030 kg.



4



5



6



7

Hari Ke-2 Di County Femanagh – Panas!

Hari kedua pula dengan undian di Enniskillen, dan saya keluar Seksyen B dan Tapak 11 untuk memancing di Airport, sementara Kevin di Tapak 6 di Crom River. Dua seksyen kami ini agak jauh terpisah, jadi Steve yang hantar saya, kemudian pergi mengambil gambar pemancing lain yang berentap di seksyen lain.

Secara ringkasnya, keadaan hari ini ialah agak sukar, panas dan banyak tempat sangkut! Tolok suhu pada jam tangan saya tengah hari itu menunjukkan 34 darjah Celsius! Dah lah pakai termal, huh... rasa macam kena panggang! Airport pula sebuah lokasi yang kaya dengan ikan *perch* dan banyak samai. Cuaca panas dan air jernih menyebabkan rumpai ini tumbuh dengan subur.

Rodney Scott (yang kemudian mendapat tempat ke-4 dengan regu beliau) ada menasihati saya supaya memancing melepasi samai itu dan gunakan ladung yang berat sedikit untuk menyasarkan *perch*. Betul kata beliau, cara itu mempertemukan saya dengan beberapa ekor *perch* dan hibrid. Cuma masalahnya macam

Entering The World Pairs Angling Championship

"Kepercayaan Kevin dan Steve terhadap saya dapat ditebus apabila hasil tangkapan mencecah 6.860 kg, terdiri daripada ikan hibrid dan skimmer. Ia menempatkan saya ke tempat ke-dua di seksyen tersebut, di mana Francis sekali lagi mendahului dengan hasil 8.000 kg. Tidaklah teruk sangat apabila hanya kalah kepada bekas juara Piala Daiwa dan pemegang pingat perak kejohanan World Feeder Fishing!"

mana nak karau ikan itu melepasi samai dan elakkan tangkapan daripada kena baham dek ikan pike! Hampir separuh kena cukai!

Memancing di kawasan sama ialah pemancing feeder antarabangsa Ireland, Francis McGoldrick, yang menjadi pemenang bersama Paul Keeley di seksyen ini masing-masing dengan tangkapan 6.100 kg. Manakala saya hanya pada skala 2.100 kg terutama perch (dan kira-kira 10 kg samai!). Walaupun lebih rendah berbanding semalam, saya gembira kerana dapat juga naikkan ikan di kawasan sesukar ini, dan perbezaan berat kali ini tidak begitu ketara. Kevin pula hanya mampu naikkan 2.700 kg dari seksyennya.

Dalam perjalanan pulang, saya bertanya Steve mengapa dia tidak beritahu yang Francis adalah juara Piala Daiwa pertama pada tahun 2012? Jawab beliau, "saya tidak mahu kamu panik!"

Nota Guvnor : Saya perlukan 40 pusingan gelendong untuk sampaikan umpan di antara samai tebal. Pancang joran dipasang lebih tinggi supaya tali bebas samai dan membantu pengesanan getuan. Untuk mendapat lebih ketepatan balingan, saya guna 'window feeder' Browning 50 gm dan mencangkuk tiga ekor ulat merah pada mata kail saiz 14 dengan perambut berdiameter 0.16 mm.



Samai tebal itu benar-benar menyusahkan, perambut asyik putus dan feeder banyak lesap! Namun umpan tiga ekor ulat merah itu nyata amat berkesan.

Hari Ke-3 Di County Leitrim – Yakin!

Hari ke-3 di seksyen Leitrim dengan cabut undian di Ballinamore. Saya dapat Tapak 3 di Kiltybarden, dan Kevin pula di Tapak 11 di Houghton's Shore. Ini cukup bagus kerana saya dah berlatih di sini hujung minggu lepas, jadi saya ada ilham taktik yang sesuai. Taktik '3 ulat merah' dan '50 putaran gelendong' yang telah saya tanamkan dalam ingatan sejak malam tadi, dipraktikkan hari ini. Saya tabur banyak groundbait di kawasan joran feeder dan pole sebaik sahaja wisel ditupi.

Di kiri saya, John Kelly (Tapak 4), dan kanan saya pemancing pasukan Jerman bernama Ulrich Prehn (Tapak 2). Saya lihat semua pemancing gunakan pole. Saya teruskan rancangan dengan sentiasa tabur dan melastik umpan dengan mendahulukan joran feeder, kemudiannya bergilir dengan pole.

Kali ini saya rasa lebih yakin dan hasil tangkapan yang bertambah bagus, berbanding dua hari pertama. Ikan hibrid tak henti-henti menggetu umpan membuatkan saya begitu sibuk, sampai tak perasan rupanya ada peminat menyaksikan aksi saya di belakang!

Kepercayaan Kevin dan Steve terhadap saya dapat ditebus apabila hasil tangkapan mencecah 6.860 kg. Ia menempatkan saya ke tempat kedua di seksyen itu, di mana Francis sekali lagi mendahului dengan hasil 8.000 kg. Tidaklah teruk sangat apabila hanya tewas kepada bekas juara Piala Daiwa dan pemegang pingat perak kejohanan World Feeder Fishing!

Seksyen Kevin kurang produktif ikannya dan beliau hanya berjaya naikkan 1.540 kg. Apa pun beliau amat gembira dengan kejayaan saya. Steve ucapkan syabas dan tahniah, dan nampak lebih ceria malam itu!

Nota Guvnor : Kiltybarden tidaklah berapa dalam di tengahnya. Pada jarak 50 putaran gelendong, saya anggarkan ia sekitar 5 - 6 kaki dalam sahaja. Saya menghulur joran pole pada ukuran 11 meter dan kedalaman airnya kurang daripada 3 kaki. Saya ber-





11

selang-seli gunakan joran feeder dan pole untuk dapatkan getuan hibrid dan skimmer.

Ada suatu ketika suasana jadi senyap, tetapi saya tetap terus menabur umpan. Penggunaan 3 ekor ulat merah sebagai umpan pada feeder dan membiarkannya lebih lama dalam air ternyata efektif. Menariknya apabila umpan kepompong ulat (caster) digunakan, ia hanya menjebak ikan hibrid dan roach, tetapi apabila cacing digunakan, hanya skimmer yang datang menjamah.

Hari Ke-4 Di County Fermanagh – Kabus & Lumpur

Bangun pagi terasa sejuk dan keadaan berkabus. Seksyen hari ke-4 ini di Fermanagh yang agak jauh ke Enniskillen untuk cabut undi lagi.

Saya mendapat tempat di Ross Lough. Semua pemancing lain menyatakan ia lokasi yang mencabar. Kevin pula kena bertanding di Horse Island, di mana pemancing perlu naiki bot untuk ke sana. Saya menumpang Lee Addy (anak Mark Addy, pengurus pasukan memancing England), yang juga akan bertanding bersama saya di Ross Lough.

Berlaku perbincangan berapa jauh pemancing dibenarkan meranduk air dari tebing lantaran paras air rendah dan lumpur yang tebal. Ross Lough amat dangkal (separuh ketinggian jaring simpanan ikan pun tak tenggelam) dan berlumpur. Bagi kawasan sebegini, pemancing tidak dibenarkan meranduk air atas sebab-sebab keselamatan (lumpur lembut dan tebal). Anda akan hilang kelayakan jika melanggar peraturan itu.

Awal-awal lagi sangat mencabar kerana saya terpaksa merangkak di bawah pagar kawat berduri dan menapak lagi 100 meter. Bila sampai, alamak cetek giler! Saya berhati-hati mencari tapak yang kukuh untuk memasang seatbox dalam kawasan berumput.

Saya dapati kedalaman umpanan saya

hanya sekitar 2 kaki. Namun dapatlah juga naikkan beberapa ekor hibrid. Saya fikir tangkapan cukup baik dengan hasil pancingan bersama cuaca yang menyejukkan. Namun menjelang tengah hari, ikan pula menghilang bersama kabus pagi, dan suhu meningkat ke 33 darjah Celcius. Rentunglah aku!

Penamat hari ini berakhir dengan pemenang yang diisytiharkan ialah Thorstein Beil dari Jerman dengan 11.74 kg. Saya hanya dapat skala 3.600 kg. Kevin pula merangkul skala 9.420 kg. Sekarang cuma tinggal hari esok untuk penamat kejohanan ini.

Nota Guvnor : Ross Lough nyata berbeza cara permainannya. Tip-nya ialah kena kerap melastik bebola groundbait kecil di segenap tempat dan jangan tumpu di satu-satu kawasan untuk memancing. Ini sangat asing bagi saya kerana ketepatan dan kejituan adalah satu kebiasaan dalam coarse fishing.

Namun saya dapati ikan di sini respon cukup baik terhadap bunyi jatuhan umpan. Pada mulanya saya kerap 'miss' getuan ikan, yang mungkin disebabkan feeder saya terbenam dalam lumpur dan saya tidak dapat membalas sentap dengan efisien.

Masalah dapat diselesaikan apabila feeder ditukar kepada saiz 20 gm yang lebih ringan. Taktik pelampung waggler juga berjaya menaikkan beberapa ekor ikan lagi.

Memang sukar untuk saya fikirkan cara terbaik memancing di Ross Lough, tetapi jika diberi peluang lagi, saya akan mencuba yang terbaik.

- SIRIP -



12



13

8. 'Jacko', salah seorang pemancing 'top' di Ireland. Lihatlah hasil tangkapannya.
9. Rakan saya Phil Ringer bersama tangkapannya.
10. Cetek dan berlumpur di Ross Lough!
11. Lontaran tepat adalah kemahiran yang penting di sini.
12. Pejabat saya pada hari ketiga di Leitrim.
13. Cabaran di Ross Lough pada hari ke-4.

***Bersambung keluaran hadapan (Bhg. 3 : Hari Terakhir Perlumbaan Gila!)**